



MAJLIS DAERAH KUBANG PASU
KOMPLEKS PENTADBIRAN KUBANG PASU
06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN
TEL : 04-9183300 / 04-9183309
FAKS : 04-9174057

BAHAGIAN KESIHATAN
UNIT PELESENAN

SYARAT-SYARAT KELULUSAN LESEN PREMIS BURUNG WALIT

1. Syarat-syarat kelulusan Lesen Sementara (Program Pemutihan Premis Perniagaan Burung Walit Negeri Kedah Darul Aman)

- i. Premis burung walit sedia ada yang tidak memenuhi syarat-syarat kelulusan bangunan, *zoning* guna tanah diberi lesen sementara maksimum lima (5) tahun. Selepas tempoh tersebut, pemilik perniagaan disyaratkan berpindah ke tapak lain.
- ii. Bagi premis sedia ada di kawasan pertanian dan perkampungan disyaratkan untuk membuat permohonan Kebenaran Merancang, Kelulusan Pelan Bangunan dalam tempoh lima (5) tahun (kelulusan lesen sementara).
- iii. Selepas tamat Program Pemutihan pada 30 Jun 2012, pemilik perniagaan burung walit disyaratkan untuk mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang dan Kelulusan Bangunan terlebih dahulu daripada Majlis Daerah Kubang Pasu dan seterusnya lesen premis perniagaan akan dikeluarkan.
- iv. Lesen yang dikeluarkan adalah Lesen Sementara selama lima (5) tahun (sehingga 31 Disember 2016) dan perlu diperbaharui setiap tahun.

Nota : Syarat-syarat tertakluk kepada Garis Panduan Perancangan Premis Burung Walit Negeri Kedah Darul Aman bertarikh Disember 2011.

2. Syarat-syarat Kelulusan Lesen Komposit Premis Burung Walit Majlis Daerah Kubang Pasu

- i. Lesen hendaklah dipamerkan pada setiap masa di tempat yang mudah dilihat di premis dan hendaklah mengemukakan lesen ini jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana pegawai Majlis.
- ii. Bunyi dari corong pembesar suara tidak melebihi 40 desibel diukur 6 meter dari dinding bangunan.
- iii. Corong pembesar suara hendaklah dipasang menghadap langit pada sudut sekurang-kurangnya 60 darjah dari dasar lantai